



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



**BAHAGIAN PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL**

**IKLAN PENGAMBILAN GURU VOKASIONAL SECARA INTERIM DI
KOLEJ-KOLEJ VOKASIONAL KPM TAHUN 2016**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa calon yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk menjadi Guru Vokasional secara interim di Kolej Vokasional KPM Ambilan Tahun 2016 berdasarkan Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP).

1. KETERANGAN PROGRAM

- 1.1 Tajuk: Pengambilan Guru Vokasional secara interim untuk ditempatkan di Kolej Vokasional KPM Ambilan Tahun 2016.
- 1.2 Nama Perjawatan: Guru Vokasional Secara Interim
- 1.3 Tempoh Interim: Sehingga dilantik secara tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia.
- 1.4 Mengikuti latihan Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) secara Mod Latihan Perguruan Kursus Dalam Cuti (KDC) di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam tempoh yang ditetapkan.

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN ASAS

Calon-calon hendaklah:

- 2.1 Warganegara Malaysia
- 2.2 Sihat tubuh badan
- 2.3 Umur tidak melebihi 35 tahun pada 1 Januari 2016
- 2.4 Memiliki kelulusan akademik sekurang-kurangnya:

- 2.4.1 lulusan ijazah kejuruteraan/vokasional Universiti Awam (UA) yang tiada kelayakan ikhtisas perguruan tetapi memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 ke atas; atau
- 2.4.2 lulusan ijazah kejuruteraan/vokasional Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang tiada kelayakan ikhtisas perguruan tetapi memiliki SKM Tahap 3 ke atas; atau
- 2.4.3 lulusan ijazah kejuruteraan/vokasional IPTS yang ada kelayakan ikhtisas perguruan tetapi tidak memiliki SKM; atau
- 2.4.4 lulusan ijazah kejuruteraan/vokasional UA/IPTS yang tiada kelayakan ikhtisas perguruan dan tidak memiliki SKM.

2.5 Bidang yang ditawarkan adalah seperti berikut;

- a) Elektrik
- b) Elektronik
- c) Kimpalan
- d) Automotif
- e) Pemesinan Industri
- f) Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara
- g) Pembinaan
- h) Kejuruteraan Mekanikal
- i) Kejuruteraan Awam
- j) Pelancongan

- 2.6 Keutamaan adalah kepada calon yang mempunyai SKM dan pengalaman bekerja di industri dalam bidang berkaitan.
- 2.7 Pemohon yang memiliki ijazah daripada institusi luar negara atau IPTS tempatan perlu memperoleh surat pengiktirafan ijazah daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan merujuk kepada laman web KPT di alamat <http://app.mohe.gov.my/iktiraf/>.
- 2.8 Memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan.

3. MAKLUMAT JAWATAN

- 3.1 Jawatan/ Gred: Guru Vokasional/ Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (Interim)
- 3.2 Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan dan Profesional
- 3.3 Klasifikasi Perkhidmatan: Perkhidmatan Pendidikan
 - 3.3.1 Taraf Jawatan: Interim
 - 3.3.2 Gaji Permulaan: RM 2222.94: Jadual Gaji Minimum-Maksimum Gred DG41
 - 3.3.3 Elaun Tetap dan Kemudahan: seperti Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2008 dan peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam lain yang sedang berkuatkuasa.

4. CALON TIDAK LAYAK MEMOHON

- 4.1 Calon yang masih terikat dengan kontrak perkhidmatan Agensi Kerajaan termasuk yang sedang mengikuti DPLI Mod Latihan Perguruan Kursus Dalam Cuti (KDC) atau Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) kelolaan KPM.
- 4.2 Calon yang masih terikat dengan kontrak perkhidmatan Agensi Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak dan tidak mendapat pelepasan daripada pihak tersebut.
- 4.3 Calon yang diisytiharkan bankrap.
- 4.4 Calon yang dikenakan tindakan tatatertib atau sedang dalam proses tindakan tatatertib semasa dalam perkhidmatan atau latihan.
- 4.5 Calon yang pernah mengikuti program ikhtisas di IPGM, KPM tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan daripada program.
- 4.6 Calon yang pernah meletak jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan.
- 4.7 Calon yang pernah disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah atau jenayah.
- 4.8 Calon yang berada dalam senarai peminjam tegar seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan lain-lain.

5. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan hanya boleh dibuat secara atas talian dengan melayari laman web Kementerian Sumber Manusia Malaysia di alamat: <http://www.jobsmalaysia.gov.my/> mulai **24 Julai 2016**.
- 5.2 Borang tersebut boleh dikemaskini pada bila-bila masa sahaja dan hendaklah dihantar sebelum tarikh tutup permohonan.
- 5.3 Calon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari temu duga, lapor diri bertugas dan selama tempoh interim.

6. MAKLUMAT DAN PERHATIAN

- 6.1 Permohonan yang berjaya ditawarkan tempat hendaklah bersetuju dan patuh dengan syarat-syarat perjanjian interim serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa-kesemasa untuk berkhidmat di mana-mana Kolej Vokasional seperti yang diarahkan oleh pihak Kerajaan. Guru interim tersebut perlu berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun di Kolej Vokasional semasa sebelum boleh dipertimbangkan untuk bertukar ke Kolej Vokasional/sekolah lain.
- 6.2 Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia atau badan berkanun dikehendaki membawa surat kebenaran dan salinan kenyataan perkhidmatan daripada Ketua Jabatan semasa temu duga.
- 6.3 Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya dipanggil temu duga akan dimaklumkan secara emel dan calon dikehendaki membawa salinan cetakan emel semasa temu duga.
- 6.4 Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumat selepas 31 Ogos 2016 adalah dianggap tidak berjaya. KPM tidak akan mengeluarkan makluman secara bersurat kepada pemohon.

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

7 OGOS 2016 (AHAD), SEBELUM JAM : 11.59 MALAM

**8. ALAMAT BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL,
KPM**

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan permohonan:

**BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 5 & 6, BLOK E14, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
(u.p: Sektor Pengurusan Guru)
No. Telefon: 03-8884 5145/5105/5107/5100/5069/5070**